

17/02/1998

Semua jawatan utama Kelantan tidak ditanding

KOTA BHARU, Isnin - Badan Perhubungan Umno Kelantan mengekalkan keputusan tidak mengadakan pertandingan merebut semua jawatan utama pada pemilihan bahagian, bermula dari 12 hingga 29 Mac ini.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata keputusan itu adalah ketetapan mesyuarat badan perhubungan yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Januari lalu dan sewajarnya dihormati semua ahli parti.

"Kita memang tiada kuasa untuk menguatkuasakan keputusan itu, tetapi (badan perhubungan) ada hak meneruskannya kerana dalam politik, Umno bukan bergantung kepada penguatkuasaan tetapi mencari jalan terbaik demi manfaat bersama.

"Kalau perkara ini difahami, saya harap pemimpin Umno di Kelantan dapat menghormati nasihat Presiden dan kebanyakan ketua bahagian menganggapnya sebagai arahan yang harus dipatuhi.

"Jika ada yang tidak menghormati nasihat Presiden, sistem syura, keputusan mesyuarat badan perhubungan dan konvensyen Umno Kelantan, maka kita akan ambil kira dalam menilai kualiti kepemimpinan mereka pada masa akan datang," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Seminar Mengenai Jati dan Sentang peringkat negeri di sini, hari ini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, beliau sudah menyerahkan senarai susunan jawatankuasa Umno bahagian di Kelantan kepada Dr Mahathir pada Rabu lalu berhubung kesediaan ketua bahagian sekarang untuk menerima pencabar masing-masing.

Katanya, beliau akan menemui mereka yang dikatakan berminat merebut jawatan ketua bahagian dan berunding mengenai pendekatan terbaik bagi mengelak pertandingan, terutama jika ia boleh menjejaskan keadaan.

Mengenai kemungkinan beliau kurang disenangi oleh pihak tertentu, berikutan jaminan kedudukannya sebagai Ketua Umno bahagian Peringat, Annuar berkata tugasnya adalah melaksanakan arahan presiden parti sebaik mungkin.

"Saya tidak minta (MT) kecualikan Peringat (dan Gua Musang), tetapi itu adalah keputusannya dan kini saya harus tumpukan usaha memastikan pertandingan tidak berlaku di bahagian lain.

"Apa makna saya tidak bertanding dan Peringat saja aman (tanpa pertandingan) tetapi bahagian lain kacau-bilau dan tidak sempurna," katanya.

Menurutnya, perebutan jawatan ketua bahagian tidak mempunyai kaitan dengan peluang sebagai calon pilihan raya umum kerana ia akan ditentukan sepenuhnya oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat sejak awal lagi dan semua pilihan presiden parti akan diterima sebulat suara.

"Mereka yang ingin bertanding (jawatan ketua bahagian) semata-mata kerana ingin menjadi calon pilihan raya perlu berfikir dua kali.

"Ini kerana saya tidak fikir Dr Mahathir akan memilih mereka yang mengingkari nasihatnya untuk dinamakan sebagai calon pilihan raya," katanya.

(END)